

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB SENATOR DATO DR. NUIING  
JELUING**

**TARIKH : 9 DISEMBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**DATO DR. NUIING JELUING** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian terhadap Syarikat Penerbangan yang sewenang-wenangnya menaikkan harga tiket untuk sektor KL - Sarawak. Sebagai contoh harga yang biasa dari KL ke Kuching hanya dalam lingkungan RM 300 dinaikkan kepada RM 2000.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Harga tiket penerbangan ditentukan menggunakan kaedah dinamik yang antara lain mengambil kira kadar penawaran dan permintaan yang didorong oleh pasaran. Harga tiket yang tinggi bagi penerbangan di antara Semenanjung dan Sarawak antara lain merupakan kesan daripada pelaksanaan had kapasiti penerbangan oleh Kerajaan Negeri dalam usaha untuk menangani penularan wabak COVID 19.

Sesi libat urus dengan pihak syarikat penerbangan Malaysia Airlines Berhad, AirAsia dan Malindo Air telahpun diadakan sebanyak 2 kali iaitu pada 3 November 2021 dan 26 November 2021 bagi membincangkan isu berkaitan kenaikan harga tiket penerbangan khususnya ke Sarawak.

Semasa sesi-sesi libat urus tersebut, YB Menteri Pengangkutan telah menekankan keperluan untuk pihak syarikat penerbangan mengurangkan harga tambang bagi membolehkan lebih ramai penumpang dapat menikmati tambang penerbangan yang lebih rendah pada tempoh akhir tahun ini.

Sejurus pertemuan tersebut, Malaysia Airlines telah berjanji untuk menambah penerbangan tambahan ke Sarawak pada bulan Disember, sekaligus berupaya mengurangkan kadar tambang ke negeri tersebut. Syarikat penerbangan AirAsia dan Malindo juga telah menyatakan komitmen yang sama.

Pihak Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) dan Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) juga telah menyatakan kesediaan untuk meluluskan lebih banyak lagi kekerapan penerbangan. Jawatankuasa Pengurusan Bencana Sarawak dan Kementerian Pengangkutan Sarawak juga telah memutuskan untuk meningkatkan kekerapan penerbangan daripada 223 kepada 307 penerbangan seminggu ke Sarawak kepada Malaysia Airlines, Firefly, AirAsia,

## SOALAN NO: 29

Malindo, dan Scoot (Singapura), bermula 4 Disember 2021 hingga 5 Januari 2022.

Berdasarkan pemantauan terkini yang dilaksanakan oleh MAVCOM pada 1 Disember 2021, kebanyakan penerbangan bagi laluan-laluan di antara Semenanjung Malaysia dan Sarawak bagi tarikh penerbangan di antara 8 hingga 31 Disember 2021 merekodkan harga tiket yang lebih rendah atau menghampiri purata harga tiket pada tahun 2019 bagi kebanyakan laluan. Bagi laluan Kuala Lumpur-Kuching, menurut tinjauan MAVCOM, harga kelas perniagaan sehalu yang ditawarkan oleh ketiga-tiga syarikat penerbangan adalah di antara RM 1,100 – RM 2,100. Manakala harga yang ditawarkan bagi kelas ekonomi pula adalah di antara RM 190 – RM 450.

Harga tiket penerbangan bagi laluan-laluan ke negeri Sarawak dijangka akan kembali ke paras purata apabila jumlah kekerapan penerbangan beroperasi seperti biasa. Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri Sarawak wajar mempertimbangkan untuk mempermudah protokol kesihatan bagi kemasukan penumpang ke Sarawak. Perkara ini juga perlu disokong oleh peningkatan keyakinan penumpang untuk terbang di fasa endemik.